



## SIARAN AKHBAR

### PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN BILIF MENANAM SEMANGAT SALING BERBAGI DALAM BULAN RAMADAN

Khamis, 16 Ramadan 1442H bersamaan dengan 29 April 2021

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menyampaikan sumbangan derma yang telah dihulurkan oleh pihak pengurusan serta pegawai dan kakitangan BILIF, kepada keluarga-keluarga yang memerlukannya sebahagian daripada inisiatif usaha tanggungjawab sosial korporatnya di bulan Ramadan 1442H.
2. Sumbangan yang telah diberikan berupa bekalan makanan asasi, peralatan pembersihan dan peralatan mandian, termasuk beras, minyak masak, telur, air botol, makanan tin, sabun badan, syampu dan lain-lain. Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada beberapa keluarga di Kampong Meragang, Kampong Katok, Kampong Lamunin, Kampong Lambak Kanan dan Kampong Belimbang Subok.
3. Penyerahan sumbangan derma telah diketuai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkembangan Korporat), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF.
4. Inisiatif yang dinamakan “BILIFinSharing” ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan BILIF memberi kembali kepada masyarakat dengan harapan untuk memberikan sokongan kepada keluarga-keluarga dalam mengerjakan ibadah puasa.
5. Ditubuhkan pada tahun 2010, BILIF, yang sebelum ini dikenali sebagai Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM), merupakan sebuah institusi latihan di bawah bidang kuasa AMBD. BILIF menawarkan program pembelajaran dan latihan berkualiti tinggi serta menganjurkan seminar *signature* dan acara kolaborasi dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati di laman web BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn), akaun Facebook BILIF, Bilif.bn atau akaun Instagram BILIF, @BILIF.bn.

Ref: BILIF/33

Date: 16 Ramadan 1442 / 29 April 2021